

Kota Bharu.

Kilang RM25j perintis projek kenaf



SAMSUDIN (tiga dari kanan) serta warga LKTN Kelantan selepas Majlis Ikrar Bebas Rasuah IBR di Ibu Pejabat LKTN, Kubang Kerian.

Kilang memproses kenaf bernilai RM25 juta di Taman Saujana, Setiu, Terengganu dijangka siap pertengahan Mac ini.

Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Samsudin Noor berkata, kilang itu akan menjadi perintis dalam pengeluaran produk kenaf bernilai tinggi untuk dikomersialkan.

Katanya, ia juga akan merancakkan industri dan dijangka menyumbang kepada peningkatan sektor komoditi negara.

“Apabila siap Mac nanti, kilang akan dilengkapi dengan mesin dan keperluan lain yang bertepatan sebelum ia beroperasi sepenuhnya pada Januari 2019.

“Kita percaya kenaf keluaran kilang ini mampu digunakan untuk pelbagai industri termasuk pembinaan selain bahan mentahnya boleh digunakan untuk pembuatan sofa, tilam dan lain-lain,” katanya majlis ikrar bebas rasuah (IBR), semalam.